

PENGARUH PLURALISME DALAM SISTER IN ISLAM

Nur Azimah Binti Abdul Aziz
Nurul Syafini Bt Abdul Rahman
nurazimah@kuis.edu.my
nurulsyafini@kuis.edu.my

*Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam
Pusat Pengajian Teras
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*

ABSTRAK

*Kamus Dewan (2005) memberi makna pluralisme ialah keadaan yang majmuk, kemajmukan : motivasi ini kuat bagi fahamnya tentang ruang dan waktu. Keadaan masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum, kebudayaan, kepercayaan agama, dan kepelbagaian budaya masyarakat antarabangsa perlu dihormati. Farid Mohd Shahrin (2014) di dalam kajiannya melihat pluralisme berasal dari istilah Bahasa Inggeris (plural) yang merujuk kepada kewujudan lebih dari satu entiti. Dalam konteks falsafah moden pula, William James adalah sarjana yang awal mengaplikasikan istilah plural dalam karya akademiknya yang bertajuk *The Pluralistic Universe*. Sisters In Islam (SIS) adalah satu di antara gerakan feminisme yang memperjuangkan emansipasi wanita. Ia telah dibentuk dalam tahun 1988 dan didaftarkan secara rasmi sebagai sebuah Badan Bukan Kerajaan (Non Governmental Organisation; NGO) pada tahun 1993 di bawah nama SIS Forum (Malaysia) Berhad. Namun SIS sejak awal kemunculannya lagi telah berjaya menjadi sebuah gerakan feminisme yang paling popular dan terkehadapan di Malaysia (JAIS t.th). Kajian yang dijalankan ini mempunyai beberapa kepentingan yang ingin disampaikan. Antaranya ialah ianya bertujuan untuk memberi gambaran sebenar ideologi yang dibawa oleh Sister in Islam dalam masyarakat Malaysia terutamanya dalam isu berkenaan hak asasi wanita. Dengan adanya usaha mengkaji berkenaan gerakan Sister in Islam, ia dapat membuka minda wanita Islam khususnya agar tidak terkeliru dengan ideologi yang dibawa oleh gerakan ini seterusnya dapat menyedarkan masyarakat agar lebih prihatin dengan pengaruh negatif yang dibawa oleh fahaman liberal-plural. Kajian ini menggunakan metodologi analisis dokumen serta kajian tinjauan.*

Kata Kunci : *Pluralisme, sister in Islam*

PENGENALAN

Fahaman pluralisme muncul berdasarkan konflik Barat yang mengalami masalah dalam institusi gereja pada abad dahulu. Institusi Gereja Katolik Rom telah menggugat kebebasan bersuara dengan kongkongan peraturan-peraturan agama yang sering tidak bersikap adil kepada penganut Kristian, menyebabkan kebangkitan gerakan kebebasan (liberalisme) oleh para pendukung teologi Kristian. Justeru itu, Barat mengemukakan fahaman pluralisme sebagai penyelesaian dengan menganggap semua pandangan yang diutarakan adalah relatif dan berkemungkinan benar. Mereka mengkaji semula kitab Bible dengan menggunakan metode tafsir hermeneutik untuk mendapat penyelesaian yang berbeza pandangan. Fahaman ini melalui pemikiran secara rasional dan terbuka telah meresap juga ke dalam pemikiran umat Islam pada hari ini.

Di Malaysia, sebuah pertubuhan yang telah terkesan dengan fahaman yang berteraskan kebebasan dan keadilan dalam agama adalah Sisters In Islam (SIS). Seawal tahun 1983, SIS merupakan kumpulan yang berfungsi sebagai kumpulan yang menyarankan persamaan hak antara wanita dan lelaki, serta mempromosikan konsep demokrasi dan kebebasan. Setelah lebih tiga dekad terlibat dalam membahaskan tentang isu wanita dan Islam, SIS boleh dikatakan sebagai sebuah pertubuhan yang tersusun dari segi pengurusannya kerana terdiri daripada golongan profesional.

Akan tetapi, konsep keadilan yang diperjuangkan oleh SIS dilihat berbeza daripada ajaran Islam yang sebenar, melalui beberapa terbitan buku serta beberapa ruangan artikel yang terdapat di dalam laman sesawang mereka. Apa yang jelas SIS merupakan gerakan yang telah memperjuangkan konsep kebebasan dan rasionaliti pemikiran yang bersalahan dengan agama. Namun, gerakan ini tidak menzahirkan ideologi mereka dengan pengakuan terhadap pengaruh daripada fahaman liberal-plural tersebut. Oleh itu, kajian terhadap SIS ini dilakukan bagi menjelaskan ideologinya dengan melihat sejarah pertubuhannya, tokoh-tokoh-tokohnya dan matlamat pertubuhannya. Kajian ini juga cuba mengkaji kerangka-kerangka pemikiran liberal-plural di dalam pertubuhan SIS dengan mengkaji fahaman pluralisme yang dibawa oleh SIS sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kemudian, kajian ini mengfokuskan pandangan Islam terhadap pemikiran pluralisme dengan mengkaji isu-isu yang diutarakan oleh SIS dari perspektif Islam.

PERNYATAAN MASALAH

Tulisan Khalif Muammar (2013) yang membincangkan “Islam dan Pluralisme Agama” melihat pluralisme secara umum bertitik tolak pada andaian bahawa kebenaran dan realiti adalah produk sejarah dan bergantung pada diri manusia (*relational*), oleh

kerananya bersifat partial (separa, tidak sempurna), dan nisbi. Dengan demikian, fahaman sekular dan liberal yang mencirikan peradaban Barat hari ini telah meruntuhkan semula kebenaran mutlak. Setiap dakwaan kebenaran telah menjadi relatif dari segi masa, relatif dari segi geografi, budaya, dan status sosial, relatif dari segi sifat bahasa manusia yang terbatas, relatif dilihat dari perspektif hermeneutika kerana setiap pemerhati adalah juga pentafsir. Oleh yang demikian, dilihat dari sudut yang pelbagai itu, pemaknaan tentang sesuatu perkara selamanya bersifat sementara, terbatas, maka untuk mengatasi keterbatasan ini perspektif yang lain harus diambil kira. Secara khususnya, kajian ini hanya mempersoalkan faham pluralisme dalam wacana keagamaan dan bukan dalam hal-hal yang lain.

Antara gerakan yang dikatakan berpengaruh dengan fahaman pluralisme adalah Sister in Islam (SIS). Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dalam kajian “adakah Sister in Islam merupakan wajah gerakan liberalisme di Malaysia?” menunjukkan hasil dapatan, SIS tidak membuat perakuan yang tetap mengenai idea liberalisme tetapi beralih dengan memegang fahaman Islam Progresif. Walhal, sepuluh ciri-ciri Islam progresif yang disenaraikan adalah juga sinonim dengan Islam Liberal. Kajian ini sedikit sebanyak menzahirkan idea liberal-plural tetapi tidak menumpukan kepada konsep liberal-plural secara jelas yang dibawa oleh SIS.

Di Malaysia, apabila institusi-institusi agama, pihak berkuasa dan rakyat masih kukuh pegangan agama, kumpulan minoriti ini tidak berani membuat pengisytiharan terbuka. Baru-baru ini, Fatwa Negeri Selangor, Julai (2014) telah menfatwakan haram pertubuhan SIS kerana berfahaman liberal dan plural yang boleh menggugat akidah umat seperti idea-idea yang menggambarkan mereka, (*Idris Zakaria 2006*) umpamanya al-Quran mesti diolah semula, tafsir al-Quran banyak ditafsir oleh lelaki. Perempuan perlu tafsir al-Quran menurut cara berfikir wanita, poligami tidak lagi relevan, lelaki ketua dalam keluarga juga sudah tidak sesuai pada zaman ini. Hukum Faraid perlu penafsiran baru, kerana hukum itu lebih memihak kepada kepentingan lelaki. Mereka juga mengkritik Islam dengan membandingkan dengan gagasan hak asasi manusia. Perlembagaan Negara juga dikritik khasnya hal-hal yang menyentuh Islam. Namun, SIS dengan beraninya mengambil tindakan untuk menfailkan semakan kehakiman untuk dibicarakan terlebih dahulu sebelum difatwakan haram. Maka, tindakan itu menimbulkan pertanyaan apakah ideologi yang sebenarnya didukung oleh SIS jika bukan dari ideologi liberal dan plural?.

Kajian Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), menjelaskan SIS melihat dunia Islam tidak terlepas dari sebuah kehidupan yang mengamalkan sistem dan budaya yang meletakkan kaum wanita berada di kelas kedua berbanding lelaki. Bertolak dari persepsi tersebut, SIS mendakwa bahawa permasalahan yang dibangkitkan itu bukan berpunca dari agama atau sumbernya iaitu al-Quran. Secara umumnya, SIS melihat faktor utama kepada permasalahan tersebut adalah akibat daripada penerimaan syariah yang menyeleweng dari nilai-nilai keadilan dan kesaksamaan seperti yang diiktiraf dalam konteks dunia moden.

SIS dalam tulisannya *Islam, Gender and Human Rights* (1993) meletakkan kesalahan ini kepada para ulama tradisional yang telah memonopoli tafsiran teks Islam terutama al-Quran, lalu menggubal hukum Syariah secara tidak benar, bias gender dan berkepentingan diri, politik serta di bawah pengaruh warisan budaya patriarki. Dalam aspek ini, SIS menerima pandangan yang diutarakan oleh aliran Islam Liberal, seperti mana yang dijelaskan oleh Dr. Amina Wadud, salah seorang pengasas dan bekas pemimpin utamanya. Khusus pada aspek pembentukan dan pelaksanaan ideologi yang terjelma dalam peraturan Syariah, beliau melihat Islam sama seperti agama-agama dunia yang lain, di mana Islam tidak terlepas daripada pengaruh ortodok, pentafsiran dan cara pelaksanaan yang korup yang berlaku semenjak kemunculannya sejak lebih 1400 tahun yang lampau. Oleh itu, bagaimana SIS memandang sumber hukum al-Quran dan al-sunnah untuk menentukan pelaksanaan syariah yang sebenar? Adakah cukup berdasarkan akal semata dengan memperakui ijtihad individu berdasarkan tafsir hermeneutik? Hakikatnya, metode hermeneutik adalah hasil daripada budaya Barat untuk mentafsir Bible.

SIS dari sudut sejarah pertubuhannya cuba menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh golongan wanita yang dianggap telah berlaku ketidakadilan dan penindasan kepada kaum itu. Menurut Abdul Manan (2006), pelbagai pihak telah memperkatakan tentang hak-hak wanita, kesamarataan dan kebebasan. Hal ini seolah-olah ingin menunjukkan bahawa hak golongan wanita dalam Islam telah dirampas dan dicabul. Gerakan ini dilihat telah mencabar akidah umat Islam apabila mereka telah bertindak secara berani dan telah mendesak pihak kerajaan melalui beberapa memorandum seperti tuntutan terhadap pembaharuan Undang-undang Keluarga Islam. Selain daripada itu, desakan terhadap konsep "*humanisme*" dan orientasi seksualiti juga telah dilakukan SIS melalui satu memorandum yang telah dihantar kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) (Zulkiplie & Noor Amani T.th.).

Tidak dinafikan, tuntutan untuk mendapatkan hak-hak asasi bagi wanita merupakan satu perkara yang harus disokong dan perlu diambil perhatian oleh semua pihak.

Namun, jika ia dilakukan tanpa merujuk kepada al-Quran dan al-Sunnah, pergerakan ini pastinya akan meruntuhkan masyarakat (Sulaiman Noordin, 1997). Para ulama' memberikan syarat-syarat yang ketat bagi orang yang ingin mentafsirkan al-Quran *bi al-ra'y* (Mohd Tamyas 2014), justeru itu adakah pentafsiran al-Quran menurut SIS telah menepati syarat-syarat dalam mentafsir al-Quran?

Oleh itu, sekalipun secara umumnya idea pentafsiran al-Quran supaya seiring dengan perubahan zaman ada keperluan, namun pendekatan *hermeneutik* atau formula penilaian semula al-Quran tajaan gerakan liberal-plural SIS Forum Malaysia, tidak mendapat pengiktirafan ulama' Islam kerana cenderung kepada pentafsiran yang dicela, berasaskan akal semata-mata bahkan tidak berdasarkan kepada kaedah-kaedah yang benar sesuai dengan tuntutan tata bahasa Arab (Mohd Tamyas 2014). Oleh itu, apakah pandangan Islam terhadap SIS dalam menetapkan hukum terhadap isu-isu yang diutarakan oleh SIS sebelum ini berkenaan hak asasi wanita?

Melihat kepada permasalahan ini, kajian terhadap Sister in Islam semakin rancak melalui wacana-wacana mahupun kajian oleh sarjana-sarjana seperti kajian ideologi liberal di dalam SIS, kajian isu-isu hak asasi manusia yang diutarakan dalam SIS, pendekatan atau metode yang digunakan untuk mencapai matlamat pertubuhan SIS, dan sebagainya. Namun, kajian SIS yang mengfokuskan fahaman pluralisme masih tidak dibincangkan secara jelas lagi. Oleh itu, pengkaji memikirkan perlunya satu kajian dilaksanakan dalam mengkaji permasalahan ini dengan lebih dekat bagi menilai fahaman pluralisme dalam SIS.

PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian lahir daripada permasalahan kajian yang dibincangkan di atas seperti berikut:

- i. Apakah ideologi sebenar yang di bawa oleh Sister In Islam?
- ii. Bagaimanakah kefahaman Sister in Islam dalam pentafsiran al-Quran dan juga al-Sunnah untuk menetapkan hukum syara'?
- iii. Apakah pandangan Islam terhadap isu-isu pluralisme yang cuba dibangkitkan oleh Sister in Islam?
- iv. Matlamat kajian: menyelesaikan isu-isu negatif seperti kebebasan menukar agama, isu murtad, isu perkahwinan merentas agama dan sebagainya.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian yang ingin dilakukan dalam penyelidikan ini adalah seperti berikut:

- i. Mengkaji ideologi sebenar yang dibawa oleh Sister In Islam.
- ii. Mengenal pasti kefahaman Sister In Islam dalam pentafsiran al-Quran dan al-Sunnah.
- iii. Menganalisis pandangan Islam terhadap isu-isu fahaman pluralisme dalam Sister in Islam.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian yang digunakan dalam permasalahan ini adalah berdasarkan kepada rekabentuk kajian, tatacara pengumpulan data dan tatacara penganalisan data.

Rekabentuk Kajian

Kajian ini berbentuk kualitatif deskriptif berdasarkan kepada permasalahan kajian yang telah dilakukan. Kaedah induktif adalah kaedah penyelidikan yang paling sesuai bagi mendapatkan satu kesimpulan menyeluruh mengenai fahaman pluralisme dalam SIS. Hal ini kerana ia memerlukan satu kajian yang terperinci untuk mendapatkan sumber-sumber yang tepat dan bersesuaian untuk mengukur sejauh mana fahaman pluralisme meresap ke dalam pemikiran SIS.

Permilihan Kawasan Sampel kajian

Kawasan sampel kajian adalah merangkumi kawasan perpustakaan di kawasan Lembah Klang seperti perpustakaan di UKM, UM dan UPM bagi mendapatkan data. Kajian tinjauan juga dilakukan di Pejabat SIS atau di Pejabat Agama Islam Negeri Selangor.

Pemilihan Sampel Kajian

Sampel kajian yang dipilih adalah berdasarkan individu yang terlibat dengan badan NGO SIS tersebut.

Tatacara Pengumpulan Data

a) Analisa Kandungan

Secara keseluruhannya, penyelidikan ini mendapatkan data melalui analisa kandungan. Analisa kandungan yang dibuat adalah terbahagi kepada dua sumber iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer yang digunakan adalah seperti berikut:

- i. Al-Quran, al-Hadis, kitab-kitab fiqh seperti *Fiqh Tahrir*, *Fiqh al- Mar'at*, *al-Mar'at Bayna Fiqh wa al-Qanun* dan sebagainya.
- ii. Jurnal-jurnal penyelidikan dan artikel daripada keluaran SIS

Manakala sumber sekunder yang digunakan adalah seperti berikut:

- i. Buku-buku aliran pluralisme, liberalisme, perjuangan wanita dan gender.
- ii. Data-data yang diambil daripada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) sempena badan yang bertanggungjawab dalam bidang kuasa agama di Selangor.
- iii. Akhbar dan majalah seperti Utusan Malaysia, Berita Harian, The New Straits Times, The Star dan lain-lain.
- iv. Laman sesawang Sister in Islam www.sisterinislam.org.com

b) **Temubual**

Temubual adalah prosedur utama untuk mendapatkan data dan maklumat terkini yang bersifat primer daripada Exco-Exco SIS atau kaki tangan yang berkhidmat di Pejabat SIS di Kuala Lumpur. Selain itu, beberapa pihak tertentu akan dipilih untuk ditemubual untuk mendapatkan penjelasan yang terperinci mengenai kewujudan SIS di Malaysia. Antara pihak yang akanditemubual adalah Mufti Wilayah Persekutuan, pakar-pakar pengkaji fahaman liberal dan pluralisme, serta golongan ilmunan yang lain.

Tatacara Penganalisan Data

Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks bagi mendapatkan keputusan dan hasil kajian. Kaedah ini digunakan untuk mendapatkan hasil permasalahan dari kajian iaitu yang berkaitan dengan perkembangan fahaman pluralisme dan pengaruhnya pada Sister in Islam hingga ke hari ini.

LIMITASI KAJIAN

Limitasi kajian adalah batasan kajian yang menerangkan skop kajian.

i. Subjek Kajian Dan Aspek Yang Dikaji

Kajian ini meliputi kajian terhadap fahaman asas pluralisme dari segi pluraliti dalam mengutarakan pelbagai pandangan yang berbeza. Fokus utama kajian ini adalah untuk memahami dengan lebih jelas bagaimana pengaruh pluralisme tersebut digunapakai dalam pertubuhan SIS. Hal ini akan dilihat melalui sorotan sejarah penubuhan SIS, serta isu-isu yang menjadikan pluralisme dalam pemikiran mereka. Selain itu, kajian ini juga mengkaji pendekatan yang digunakan SIS dalam menetapkan sesuatu hukum syara'. Seterusnya, kajian ini menilai apakah pandangan Islam terhadap isu-isu pluralisme yang diutarakan oleh SIS.

ii. Metod Kajian

Kajian menggunakan metodologi analisis dokumen serta kajian tinjauan.

iii. Lokasi Kajian

Kajian ini akan melibatkan tempat-tempat tertentu seperti di pejabat pengurusan SIS tersebut di Kuala Lumpur, pejabat-pejabat Mufti, pejabat-pejabat agama, serta beberapa tempat temu bual yang dilakukan terhadap ilmuan Islam yang lain.

iv. Masa kajian

Kajian ini dijalankan dalam tempoh tahun yang bermula dari 2015- 2018.

TINJAUAN LITERATUR

Sorotan kajian terdahulu, dalam menilai pendekatan yang digunakan dalam konsep pluraliti, pengkaji telah melihat pendekatan asal yang digunakan oleh golongan Islam Liberal dalam pemahaman mereka, iaitu dengan melihat penulisan Muhd. Najib Abdul Kadir, Mazlan Ibrahim & Muhibudin Hassan (2007) memfokuskan pendekatan yang digunakan oleh aliran fahaman Islam Liberal dalam bidang tafsir. Dengan menggunakan metode analisis kritis dan persejarahan, penulis telah merumuskan bahawa fahaman Islam Liberal lebih cenderung menggunakan pendekatan akal serta metode *tafsir bi al-ra'yi al-mazmum* ketika mana mereka mentafsirkan al-Quran supaya maksud nas-nas al-Quran dapat disesuaikan dengan pemikiran yang mereka bawa. Secara tidak langsung, kajian-kajian ini memberi maklumat khususnya tentang tokoh-tokoh Islam Liberal di Indonesia dan tema-tema perjuangan mereka serta memberi kesedaran kepada orang ramai tentang bahayanya gagasan Islam Liberal terhadap akidah umat Islam. Namun begitu, melalui penelitian yang dijalankan, tidak terdapat penulisan yang menjelaskan tentang metodologi yang digunakan oleh pendukung aliran Islam Liberal khususnya dalam mentafsir hadis-hadis Nabi yang menurut pengkaji perlu diketengahkan.

Pendekatan-pendekatan yang digunakan oleh golongan liberal-plural sarjana Islam dijelaskan dalam kajian Mohd Anuar Ramli (t.th.) melaluitajuk kajian analisis gender dalam hukum Islam, antaranya kaedah “*double movement*” yang dikemukakan oleh Fazlur Rahman, “hermeneutika tafsir” Amina Wadud, “*double investigation*” oleh Fatima Mernissi, “teologi pembebasan” oleh Asghar Ali Engineer dan “tafsir kecurigaan” (*exegesis*) oleh Zaitunah Subhan. Kajian ini hanya menilai pemasalahan gender antara lelaki dan wanita tanpa menghuraikan secara terperinci pendekatan yang digunakan oleh golongan liberal-plural tersebut. Manakala penerangan gerakan feminisme dan persamaan gender dalam kajian Muhammad Arifin Ismail (t.th.) menjelaskan peranan wanita yang dibandingkan dengan fahaman Barat dan Islam. Kajian ini menggunakan pendekatan sejarah bagi melihat permasalahan wanita

abad dahulu yang memberi pengaruh gerakan feminisme pada sarjana Barat dan juga sarjana Islam.

Kajian hak asasi wanita oleh Farah Wahida Mohd Yusof & Nur Raihan Nordin (t.th.) menzahirkan faham liberal-plural dengan isu-isu kesamarataan hak antara lelaki dan wanita dari segi hak berpolitik, hak memilih pekerjaan dan hak menuntut ilmu pengetahuan. Isu-isu ini dijelaskan dengan mengemukakan dalil-dalil al-Quran dan al-Sunnah yang memberi rujukan pengkaji dalam menilai isu pluralisme menurut Islam. Perbincangan yang memfokuskan kepada isu-isu faham pluralisme pula telah dihasilkan dalam beberapa bentuk penulisan seperti Riduan Mohamad Nor & Ahmad Adnan Fadhil (2009) dan Nur Farhana Abdul Rahman (2010) yang mana kedua-dua karya tersebut membahaskan isu yang sama iaitu konsep pluralisme agama menurut aliran Islam Liberal iaitu satu fahaman yang mendakwa semua agama adalah benar. Perbahasan mengenai isu ini sangat menarik kerana penulis seperti Riduan Mohamad Nor & Ahmad Adnan Fadhil cuba mengaitkannya dengan fenomena Islam Liberal yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Namun, kajian ini didapati tidak mengaitkan mana-mana pertubuhan yang mengamalkan faham liberal-plural tersebut.

Karya Khalis Muammar (2013) dalam bukunya “Islam dan Pluralisme Agama” hanya membincangkan permasalahan pluralisme dalam agama sahaja tanpa menyentuh konsep pluralisme dari sudut lainnya. Tulisan ini memberi maklumat yang baik dengan menjelaskan latar sejarah kemunculan fahaman pluralisme ini serta pandangan sarjana Barat dan Islam terhadap pluralisme agama. Manakala Muhammad Imarah (2003) dalam bukunya “Islam Dan Pluralitas Perbezaan dan Kemajmukan Dalam Bingkai Persatuan” amat bermanfaat dalam penyelidikan ini apabila menerangkan konsep-konsep pluralisme dari pelbagai aspek tauhid, agama, syariat, politik dan sebagainya. Namun begitu, tulisannya tidak menjelaskan pertubuhan egensi atau badan-badan yang mengamalkan faham pluralisme tersebut.

Di samping itu, Mufti Negeri Selangor umpamanya telah mengambil langkah proaktif dengan mewujudkan Dialog Fatwa Perdana (2014) dalam membincangkan isu liberalisme dan pluralisme agama. Kertas kerja ini menjadi rujukan pengkaji untuk menilai ciri-ciri liberal-plural dalam penyelewengan pemikiran. Sedikit sebanyak kertas kerja ini menyentuh fahaman liberal-plural oleh SIS, tetapi perbincangannya adalah kepada perkara asas fahaman liberal-plural sahaja. Manakala bagi penjelasan bahaya ideologi liberal dan plural ini pada akidah Muslim, buku tulisan Wan Adli Wan Ramli (2012) menjelaskan fahaman liberalisme agama dan pluralisme agama serta pandangan sunni terhadap ideologi tersebut. Namun begitu, tulisan ini tidak

menjelaskan fahaman pluraliti dalam sesuatu gerakan yang mengamalkan ideologi liberal-plural tersebut.

Dalam sorotan kajian lepas juga, pengkajimenyentuh penulisan-penulisan yang berkaitan dengan Sister In Islam, antaranya adalah Kajian Doktor Falsafah oleh Ahmad Muhyuddin Hassan yang betajuk “Faham Islam Liberal: Kajian Terhadap Pertubuhan SIS” (2012), melihatkan penyentuhan konsep pluralisme di dalam SIS. Antara isu liberal yang dibincangkan adalah Hak Asasi Manusia (HAM). Bagi pandangan penulis tersebut, mendapati SIS bersikap pluralisme dalam merealisasikan matlamat HAM untuk keperluan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan bangsa. SIS berpandangan salah satu faktor terbesar ancaman pada penubuhan HAM adalah sistem politik Islam. Politik Islam yang bermatlamatkan perundangan Islam akan menyekat kebebasan individu itu dalam beragama. Kajian ini menjelaskan faham liberal secara terperinci yang dibawa oleh SIS, sedikit sebanyak membawa penjelasan faham pluralisme di dalam SIS tersebut namun tidak dibincangkan secara jelas.

Selain itu, kajian tesis sarjana oleh Hilmiah Mohamad (2012) yang membicarakan tentang pelaksanaan khidmat nasihat terhadap isu-isu wanita. Pengkaji mendapati kajian ini adalah penilaian terhadap perbandingan persamaan dan perbezaan antara khidmat nasihat SIS dengan yang disarankan di dalam Islam. Kajian ini mendapati bahawa khidmat nasihat sebagai kaunseling guaman adalah permulaan SIS untuk membina hubungan masyarakat awam. Khidmat nasihat mereka tidak perlu mempunyai kelulusan dari undang-undang syariah dan tidak perlu mempraktikkan etika guaman Islam sebagai peguam Islam. Mereka menggunakan *extra-islamic*: parameter mengikut acuan Barat mengatasi *intra-islamic*: parameter mengikut acuan al-Quran dan al-Sunnah.

Beberapa cadangan yang diutarakan dalam kajian itu agar membuat kajian lanjutan dengan menyarankan kajian mengenai SIS ini diteruskan supaya membawa pendedahan kepada masyarakat bagi mengenali siapa SIS itu dan bahaya ancamannya pada akidah umat Islam kini. Hilmiah Mohamad (2012) berpendapat kajian ini perlu dilengkapi dengan siri-siri kajian dan analisis lanjutan yang tertumpu kepada aspek-aspek tumpuan SIS yang lain.

Selain itu, kajian fahaman liberalisme terhadap SIS telah dilakukan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) bagi mendapatkan dapatan adakah SIS benar-benar berideologikan liberal. Kajian ini menjelaskan sejarah penubuhan SIS, matlamatnya serta

beberapa permasalahan yang dibangkitkan oleh SIS. Namun, kajian ini tidak menerangkan pengaruh pluraliti dalam fahaman SIS tersebut. Begitu juga kajian Zulkiplie Abd Ghani & Noor Amani Mohamed Hussin (t.th) melihatkan isu-isu akidah yang di bawa oleh SIS dengan menggunakan pendekatan media bagi menyebarkan fahamannya. Permasalah akidah yang dikaji adalah yang melibatkan ideologi liberal-plural secara umumnya, tidak menjelaskan pandangan Islam terhadap isu-isu yang diutarakan oleh SIS tersebut.

Berdasarkan kajian lepas ini, menarik minat pengkaji untuk membuat penyelidikan terhadap fahaman pluralisme yang mengfokuskan kepada pertubuhan Sister in Islam di Malaysia ini berdasarkan isu-isu yang dibangkitkan SIS. Pelbagai wacana isu liberalisme, analisis gender, hak asasi manusia serta isu-isu akidah dinilai sebagai wadah mengkaji fahaman pluralisme terhadap SIS Farum Malaysia. Kajian pengkaji ini juga adalah berdasarkan saranan kajian lepas tersebut serta melihat kelompangannya.

KERANGKA TEORITIKAL

Kerangka teori penyelidikan dalam penyelidikan pengajian Islam bermaksud satu bentuk kerangka yang terdiri daripada ayat-ayat al-Quran al-Karim, hadis-hadis nabi s.a.w., ijtihad ulama dan teori-teori yang telah diuji dan dibentuk oleh mereka yang pakar dan berautoriti dalam bidang-bidang kajian mereka (Ahmad Munawar & Mohd Nor Shahizan 2014).

Penyelidikan ini mengkaji pluralisme dalam perundangan manusia bagi kerangka kesatuan syariat nampak lebih jelas dalam teori "*al-siyasah al-syariah*" yang merupakan aturan-aturan Islam dan fikih Islam yang diatur oleh kaedah-kaedah yang menyeimbangkan antara kemaslahatan dan kemafsadatan yang padanya tidak ada batasan-batasan yang tetap. Jika syariat Ilahiah yang satu itu adalah "ciptaan Ilahi yang thabit" dan telah dirincikan dalam masalah-masalah ibadah dan usul-usul muamalah serta sistem nilai, maka ia telah memngabaikanperincian, bahagian-bahagian lain serta sisi-sisi yang selalu berubah dalam muamalah keduniaan untuk dijadikan ijtihad dan fikih furu' (Muhammad Imarah 2003) .

Dengan demikian, terdapat keragaman kekuatan perundangan para pembuat hukum, para fuqaha dan para mufti. Didapati masalah ini terus berlangsung dengan menjauhkan keimamahan, khilafah dan negara serta strategi politik dalam mengatur pembangunan dari sisi akidah yang merupakan ukuran perbezaan antara "iman" dan "kufur" serta pembahagiannya dalam naungan furu'-furu' yang beragam-ragam di dalam ijtihad.

Maka ukuran perbezaan di dalamnya adalah “benar” dan “salah”. Yang pertama mendapat dua pahala dan yang kedua satu pahala.

Ibnu Qayyim (1292-1350M) membezakan antara hukum-hukum yang khusus dan yang selalu berubah-ubah dan yang di dalamnya terdapat banyak hukum dan kekuatan perundangan serta antara yang khusus dan yang tetap serta yang di dalamnya terdapat kekuatan perundangan syariat Ilahi yang satu. Ia berkata:

“Hukum-hukum ada dua, yang pertama adalah yang tidak berubah sama sekali dari suatu bentuknya tidak kerana zaman, tempat atau ijtihad imam-imam. Seperti wajibnya apa-apa yang wajib, haramnya apa yang telah diharamkan, hukuman yang telah ditetapkan dalam syariat. Ini tidak mengalami perubahan dan tidak ada tempat bagi ijtihad untuk menghasilkan yang berbeza darinya. Yang kedua adalah yang berubah sesuai dengan tuntutan kemaslahatan bagi masa, tempat dan situasi-kondisi seperti ukuran-ukuran takzir, jenisnya dan sifatnya.”(Muhammad Imarah 2003)

Dalam konteks pelaksanaan aspek dalam syariat Islam, termasuk dakwah, fatwa, pembangunan ekonomi dan sosial, menuntut ilmu, amalan sehariansehingga kepada politik dan polisi pemerintahan negara, al-Qaradawi (2000) dalam *Fi Fiqh al-Awlawiyyat*, dan al-Qaradawi (1992) dalam *Awlawiyyat al-Harakatal-Islamiyyah fi Marhalah al-Qadimah* menekankan perlunya aspek-aspek tersebut dilaksanakan mengikut keutamaan dan keperluan. Dengan demikian, beliau menyenaraikan beberapa fiqh yang perlu diberi perhatian iaitu *fiqh alawlawiyyat* (fiqh keutamaan) yang juga dikenali sebagai *fiqh maratib al-‘amal*, *fiqh al-muwazanat* (fiqh pertimbangan), *fiqh al-maqasid* (fiqh bagi mengetahui maksud syariat) dan *fiqh al-nusus* (fiqh nas-nas al-Quran dan al-Sunnah). Di samping tu, perlu juga ditekankan *fiqh al-waqi’* iaitu kefahaman mengenai realiti manusia dan kehidupan sekitarnya. Oleh kerana itu, kajian dan tinjauan yang serius perlu dilakukan terhadap kehidupan masyarakat terlebih dahulu, sebelum berlakunya penetapan dan pelaksanaan hukum. Penerapan *fiqh al-waqi’* ini dalam memahami dan melaksanakan syariat sangat perlu ke arah pertimbangan (*al-muwazanaah*) yang betul dan jauh daripada unsur-unsur melampau (al-Qaradawi 2000 & 1992). Pertimbangan yang dimaksudkan oleh al-Qaradawi (1992) di sini ialah pertimbangan antara sesama *al-masalih* (kebaikan), antara sesama *al-mafasid* (keburukan dan kerosakan) dan pertimbangan antara *al-masalih* dan *al-mafasid*.

Para imam mufassir al-Quran melihat pluraliti ini sebagai “hikmah” Ilahi dan “kehendak” Rabbani di sebalik penciptaan-Nya bagi manusia. Maka, dalam mentafsirkan firman Allah SWT:

وَلَوْ شَاءَ رَبُّكَ لَجَعَلَ النَّاسَ أُمَّةً وَاحِدَةً وَلَا يَزَالُونَ مُخْتَلِفِينَ (١١٨) إِلَّا مَنْ رَحِمَ
رَبُّكَ وَلِذَلِكَ خَلَقَهُمْ وَتَمَّتْ كَلِمَةُ رَبِّكَ لَأَمْلَأَنَّ جَهَنَّمَ مِنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ
(١١٩)

Maksudnya: “*Jikalau Tuhanmu menghendaki, tentu Dia menjadikan manusia umat yang satu. Tetapi mereka sentiasa berselisih pendapat, kecuali orang-orang yang diberi rahmat oleh Tuhanmu. Dan untuk itulah Allah menciptakan mereka.*” (al-Quran, Surah al-Hud:118-119)

Ringkasan Tafsir Ibnu Kathir, (al-Rifa’i1999) Allah SWT menerangkan bahawa Dia Maha Kuasa untuk menjadikan seluruh manusia sebagai umat yang satu: beriman semuanya atau kafir semuanya. Hal ini selaras dengan firman yang bermaksud: “*Jika Rabb-mu berkehendak, nescaya berimanlah seluruh penghuni bumi semuanya.*” (al-Quran Surah Yunus:99)

Tetapi mereka sentiasa berselisih pendapat, kecuali orang-orang yang diberi rahmat oleh Tuhanmu.”Menjelaskan perbezaan agama dan keyakinan dalam syariat, aliran dan mazhab sentiasa terjadi di antara manusia. Akramah mentafsirkannya dengan, “*mereka sentiasa berbeza-beza keinginannya, kecuali orang-orang yang diberi rahmat oleh Tuhanmu.*”Kecuali orang-orang yang dirahmati”, iaitu para pengikut rasul yang berpegang teguh pada perintah agama Allah yang disampaikan oleh para rasul kepada mereka. Mereka termasuk kelompok yang selamat (al-Rifa’i1999).

Qatadah berkata, “*yang berhak mendapat rahmat Allah ialah yang menyukai persatuan, walaupun negeri dan tubuh mereka berjauhan. Sedangkan, orang yang menderhakainya ialah mereka yang bercerai-berai, walaupun negeri dan jasad mereka bersatu.*” “*dan untuk itulah Allah menciptakan mereka.*”

Sehubungan dengan firman Allah. “*dan mereka sentiasa berselisih pendapat kecuali orang-orang yang diberi rahmat oleh Tuhanmu dan untuk itulah Allah menciptakan mereka,*” Hasan Basri berkata, “*manusia berbeza-beza dalam menganut aneka agama, kecuali orang yang diberi rahmat oleh Tuhanmu, maka dia tidak berselisih. Hasan Basri ditanya. “Untuk itulah mereka diciptakan? Dia menjawab, “ada yang diciptakan untuk*

mengisi syurganya dan ada yang diciptakan untuk mengisi neraka.”Hal ini juga dikemukakan oleh Atha’ dan al-A’masy.

Kalimah Tuhanmu telah ditetapkan: sesungguhnya Aku akan memenuhi neraka Jahanam dengan jin dan manusia, semuanya.” Allah SWT memberitahukan bahawa telah ditetapkan dalam ilmu-Nya yang sempurna ihwal makhluk-Nya: di antara mereka ada yang berhak masuk syurga dan ada yang berhak masuk neraka. Dan telah ditetapkan pula bahawa Jahanam akan dipenuhi dengangolongan jin dan manusia, kepunyaan Allahlah hujah yang kuat dan hikmah yang sempurna (al-Rifa’i1999).

Dalam hal ini, Muhammad Idris al-Marbawi (2008) menyatakan bahawa berpegang kepada aliran muktabadalam Islam adalah sebahagian daripada maksud ajaranhadis Rasulullah, yang terjemahan teksnya menyebut:

“Aku berwasiat kepada kamu dengansahabatku, kemudian yang mengikut mereka,kemudian tersebar pembohongan sehinggabersumpah seorang lelaki dan tidak dituntutsumpah, dan bersaksi seorang saksi dan tidak dituntut saksi, sesungguhnya tidak akanbersendirian seorang lelaki dengan wanitakecuali adalah yang ketiganya syaitan, ataskamu dengan jemaah, dan berhati-hati denganjangan berpecah kerana sesungguhnyaasyaitan bersama-sama dengan yang sendirian,dan dia berserta yang kedua lebih jauh,sesiapa yang hendak bersuka-ria di tengahengahsyurga maka lazimkan jemaah, sesiapayangmenyukakannya kebbaikannya danmendukacitakannya keburukannya makademikian itulah mukmin.” (Muhammad Idris al-Marbawi)

Dalam hadis lain, Rasulullah s.a.w. berkata bahawa:

“Allah tidak mengijmakkan umat Muhammadiyyah atas kesesatan,dan tangan Allah bersama-sama dengan jemaah, dansesiapa yang berpecah dia berpecah ke neraka.” (Muhammad Idris al-Marbawi 2008)


Al-Marbawi (2008) seterusnya menghuraikan bahawa yangdimaksudkan melazimi jemaah dan tidak berpecah itu ialahjemaah ulama. Secara lebih khusus, iaitu tiada berseorang diri daripada merekaitu pada iktikad dan mazhab dan lainnyadaripada fikiran, dan hukum-hukum Allah yang terbit daripada al-Quran dan Hadis Rasulullah. Maka apabila seorang yang alim itumencil ia pada faham daripada segala fahamjemaah

ulama; ataupun seorang yang jahil dantiada tahu apa asal-usul hukum Allah itu, menurut ia akan faham alim yang mencilfaham daripada segala faham ulama itu, makaialah orang-orang tiada bersama-sama didalam sidang jemaah ulama namanya. Makatertariklah dirinya kepada neraka, yakni senangmenyimpang dirinya kepada jalan yang tiadabetul oleh sebab berkawan dengan ia dengannafsunya dan syaitannya hingga tiada sedar iaakan dirinya masuk neraka dengan sebabpencilnya itu. Maka tiada memencil diri itulayang disuruh shara' kita.

Dalam syarah yang lebih terperinci, al-Marbawimenjelaskan bahawa berpecah daripada jemaah ulamamerujuk kepada perbuatan berijtihad sendiri atau menurutijtihad puak yang berfikir sendirian.Sejauh berkait denganpendirian liberal Muslim, ijtihad telah dijadikan alasan dalammengeluarkan pendapat-pendapat baru yang kelihatannya amat jauh daripada kefahaman muktabar.

KERANGKA KONSEPTUAL

Kerangka konseptual dalam penyelidikan pengajian Islam bermaksud satu bentuk kerangka penyelidikan yang terdiri daripada ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis yang telah dipilih mengikut prosedur, idea-idea utama dan teori-teori penting yang difikirkan berkaitan (Ahmad Munawar & Mohd Nor Shahizan 2014).



Kerangka konseptual adalah bertujuan sebagai perjalanan penyelidikan ini secara umum. Dalam Islam, al-Quran dan al-Sunnah menjadi dasar rujukan dalam setiap permasalahan. Dalil al-Quran dan al-Sunnah ada menjelaskan bahawa Islam mengakui pluraliti dari segi kejadian yang pelbagai, namun dari segi syariah yang telah ditetapkan oleh Allah SWT adalah tidak bersifat plural untuk diijtihadkan sesuka hati. Dalam penyelidikan ini, pengkaji menggunakan kitab tafsir al-Quran dan kitab syarah hadis bagi menjelaskan dalil kepelbagaian dalam Islam. Selain itu, pengkaji mengambil pandangan ulama klasik dan juga ulama' kontemporari dalam pandangan mereka terhadap masalah konsep pluralisme. Fahaman pluralisme ini ditinjau dalam gerakan Sister In Islam dengan mengkaji isu-isu yang diutarakan oleh SIS. Hal ini adalah bertujuan untuk mendapatkan hasil bahawa Islam adalah agama yang syumul yang telah menetapkan segala hak dan keperluan kepada penganutnya sama ada lelaki dan juga wanita sekali gus, menjelaskan teori-teori yang digunakan dalam menentukan hukum syarak.

KEPENTINGAN KAJIAN

Pengkaji berharap agar kajian yang dilakukan ini dapat dimanfaatkan oleh semua umat Islam. Kajian yang dijalankan ini mempunyai beberapa kepentingan yang ingin disampaikan. Antaranya ialah ianya bertujuan untuk memberi gambaran sebenar ideologi yang dibawa oleh Sister in Islam dalam masyarakat Malaysia terutamanya dalam isu berkenaan hak asasi wanita. Dengan adanya usaha mengkaji berkenaan gerakan Sister in Islam, ia dapat membuka minda wanita Islam khususnya agar tidak terkeliru dengan ideologi yang dibawa oleh gerakan ini seterusnya dapat menyedarkan masyarakat agar lebih prihatin dengan pengaruh negatif yang dibawa oleh fahaman liberal-plural.

Selain itu, kajian ini juga boleh membantu pihak berkuasa seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Negeri, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan agensi kerajaan yang lain dalam meneliti bahaya gerakan Sister in Islam yang semakin mendapat tempat di hati masyarakat. Seterusnya, pihak berkuasa juga boleh mengambil tindakan yang sewajarnya dalam menangani perkembangan fahaman liberal dan plural ini. Pengkaji juga mengharapkan agar kajian ini berguna kepada pihak kerajaan dalam usaha mengenalpasti ideologi yang dibawa oleh SIS, seterusnya mengambil tindakan susulan yang sewajarnya bersesuaian dengan kehendak syarak. Ini kerana kelompok ini semakin mendapat tempat dalam masyarakat berpendidikan tinggi bahkan berjaya mempengaruhi pemikiran masyarakat awam.

Kajian ini juga diharap dapat memberikan input yang berguna untuk pengkaji-pengkaji seterusnya yang berminat untuk mengupas perbincangan mengenai Sister in Islam melalui fahaman pluralisme ini dengan lebih terperinci terutamanya dalam mengenal pasti doktrin ajaran dan faktor penerimaan masyarakat terhadapnya. Kajian ini perlu diperluaskan kerana masyarakat perlu diberi pendedahan dan kesedaran mengenai bahayanya gerakan ini. Dikhuatiri pemikiran liberal dan plural berjaya menguasai dan mendominasi pemikiran masyarakat Islam di Malaysia keseluruhannya.

DEFINISI OPERASI KAJIAN

i. Pluralisme

Kamus Dewan (2005) memberi makna pluralisme ialah keadaan yang majmuk, kemajmukan : motivasi ini kuat bagi fahamnya tentang ruang dan waktu. Keadaan masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum, kebudayaan, kepercayaan agama, dan kepelbagaian budaya masyarakat antarabangsa perlu dihormati. Farid Mohd Shahrani (2014) di dalam kajiannya melihat pluralisme berasal dari istilah Bahasa Inggeris (*plural*) yang merujuk kepada kewujudan lebih dari satu entiti. Dalam konteks falsafah moden pula, William James adalah sarjana yang awal mengaplikasikan istilah *plural* dalam karya akademiknya yang bertajuk *The Pluralistic Universe*. Bermula dengan James maka istilah *plural* mula digunapakai awalnya, secara literal dalam konteks politik, budaya, etika, moral dan agama.

ii. Sisters In Islam (SIS)

Sisters In Islam (SIS) adalah satu di antara gerakan feminisme yang memperjuangkan emansipasi wanita. Ia telah dibentuk dalam tahun 1988 dandidaftarkan secara rasmi sebagai sebuah Badan Bukan Kerajaan (NonGovernmental Organisation; NGO) pada tahun 1993 di bawah nama SIS Forum (Malaysia) Berhad. Sungguhpun kemunculan SIS boleh dianggap baharuberbanding pertubuhan-pertubuhan atau NGO-NGO wanita yang hadir lebihdahulu sebelumnya, namun SIS sejak awal kemunculannya lagi telah berjaya menjadi sebuah gerakan feminisme yang paling popular dan terkehadapan di Malaysia (JAIS t.th)

RUMUSAN/ RANCANGAN KAJIAN

Kajian Pluralisme di dalam Sister in Islam ini secara keseluruhannya adalah mengkaji fahaman SIS yang mengatakan bahawa terdapat pelbagai pandangan dan pendapat yang berkemungkinan relevan dan boleh diterimapakai. Antaranya adalah berkaitan isu-isu pluralisme yang diutarakan seperti hak kebebasan beragama, kesamarataan hak wanita dengan lelaki dan sebagainya.

Rancangan kajian yang dijangka adalah seperti di awal kajian penyelidikan tesis ini, pengkaji akan membahagikan kajian ini kepada beberapa bab, iaitu bab pertama adalah mengenai pengenalan kepada tajuk kajian dari segi permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, metodologi kajian, dan sebagainya. Bab kedua penerangan SIS meliputi biografi dan sejarah pertubuhannya. Seterusnya, pada bab ketiga, pengkaji mengutarakan mengenai pemikiran liberal-plural yang telah masuk ke Malaysia melalui pertubuhan badan NGO Sister in Islam tersebut dengan melihat isu-isu Sister in Islam yang berfahaman pluralisme tersebut. Manakala bab yang terakhir, pengkaji akan membuat kesimpulan pada semua dapatan data yang ditemui serta membuat perbandingan pendekatan yang digunakan SIS dengan syariat Islam. Selain itu, pengkaji juga akan membuat perbincangan, rumusan dan cadangan terhadap kajian yang telah dilakukan.

RUJUKAN

- Ahmad Muhyuddin Hassan. 2012. Faham Islam Liberal: Kajian Terhadap Pertubuhan Sister In Islam. Tesis Doktro Falsafah, Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali. 2014. Mengenal Kuantitatif & Kualitatif Dalam Penyelidikan Pengajian Islam. Bangi: FPI Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anon. T.th. Sister In Islam: Wajah Gerakan Liberalisme Di Malaysia? Artikel Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).
- Farahwahida Mohd Yusof & Nur Raihan Nordin. T.th. Pandangan Gerakan Islam Liberal Terhadap Hak Asasi Wanita. Artikel Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Idris Zakaria. 2006. Ancaman Dan Tentangan Terhadap Islam Dan Muslim; Tumpuan Kes: Liberalisma / Pluralisma. Kertas kerja di Seminar Ancaman Akidah di ILP Seberang Perai.
- Kamus Dewan. 2005. Kamus Dewan Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khalif Muammar. 2013. Islam Dan Pluralisme Agama: Memperkukuhkan Tauhid Pada Zaman Kekeliruan. Kuala Lumpur: Centre for Advanced Studies on Islam Science and Civisation (CASIS), Universiti Teknologi Malaysia (UTM).
- Khalif Muammar. 2009. Gerakan Pemikiran Liberal: Ancaman Terhadap Akidah Dan Syariah. Wacana Jabatan Agama Islam Selangor.
- al-Marbawi, Muhammad Idris. 2008. Bahru al-Madzi: Syarah Mukhtashar Shahih al-Tirmidzi. Terj: Noraine Abu. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publication.
- Mohd Anuar Ramli. 2012. Analisis Gender Dalam Hukum Islam. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. Jurnal Fiqh Jil.9: 137-162.

- Mohd Farid Mohd Shahrar. 2010. Wacana Fahaman Pluralisme Agama dan Implikasinya Terhadap Masyarakat Islam. UIAM: Anjuran Muafakat, Himpunan Keilmuan (HAKIM) & JAIS 1 Mei 2010.
- Mohd Faruq Zahari. 2012. Kritikan Buku Fiqh Wanita: Pandang Ulama Terhadap Wacana Agama dan Gender Oleh K.H. Husein Muhammad. Kajian Ilmiah Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Tamyas Abdul Wahid. 2014. Liberalisme Dan Pluralisme Agama. Perak: Dialog Fatwa Perdana Jabatan Mufti Negeri Selangor.
- Muhammad Ariffin Ismail. T.th. Gerakan Feminisme, Persamaan Gender Dan Pemahaman Agama (Bahagian I). Artikel Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.
- Muhd. Najib Abdul Kadir, Muhyudin Hassan & Mazlan Ibrahim. 2007. Tafsiran Quran dalam Perspektif Jaringan Islam Liberal. Jurnal Islamiyyat. Jil. 29: 93-122.
- Noraida Endut. 2002. Artikel Sister In Islam. Kuala Lumpur: Sister In Islam.
- Nur Farhana Abdul Rahman. 2010. Konsep Pluralisme Agama Dalam Aliran Liberal Islam. Tesis Sarjana, Jabatan Usuluddin Dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurul Pasihah Hasan. Feminisme Mengikuti Islam dan Barat: Kajian Terhadap Pelajar Perempuan Melayu Institusi Pengajian Tinggi Awam. Latihan Ilmiah Pelajar Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Qaradawi, Yusuf. 2000. Fi al-Fiqh al-Awlawiyyat. Kaherah: Maktabat Wahbah.
- Riduan Mohamad Nor & Ahmad Adnan Fadhil. 2009. Islam Liberal dan Pluralisme Agama. Kuala Lumpur: Jundi Resources.
- al-Rifa'i, Muhammad Nasib. 1999. Ringkasan Tafsir Ibnu Katsir. Terj. Syihabuddin. Jil: 2. Jakarta: Gema Insani Press.
- Sister In Islam. 1993. Islam, Gender and Human Rights: An Alternative Views. Kuala Lumpur: SIS Forum Berhad.
- Siti Hilmiah Mohamad. 2012. Sister In Islam dan Pelaksanaan Khidmat Nasihat Terhadap Isu-Isu Wanita. Tesis Sarjana Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Salihah Yang Amri..Cabaran 2011Feminisme Barat Terhadap Teologi Kristian.Kajian Ilmiah Pelajar Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sulaiman Nordin. 1995. Islam, Al-Quran dan Ideologi Masa Kini. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Adli Wan Ramli. 2012. Bahaya Liberalisme Dan Pluralisme Agama Terhadap Akidah Belia Muslim. Johor: Sekretariat Menangani Isu-Isu Akidah Dan SyariahMajlis Agama Islam Negeri Johor.
- Zulkiple Abd. Ghani & Noor Amani Mohamed Hussin. T.th. Isu Aqidah Oleh Sisters In Islam Malaysia (SIS) Dalam Media. T.tp. Artikel.
- Berita Sinar Harian. 2014. <http://www.sinarharian.com.my/ultras/liga-malaysia/mais-digesa-jelaskan-liberalisme-pluralisme-1.330523>